

**UNDANG-UNDANG KEOL
TANDAS AWAM
MAJLIS DAERAH BESUT
1990**

TR. P.U. 11
.BIL.
TARIKH

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM
(MAJLIS DAERAH BESUT) 1990

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Besut dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama,
pemakaian
dan mula
berkuatkuasa.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Tandas Awam (Majlis Daerah Besut) 1990** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Besut dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Besut:

“tandas awam” ertinya apa-apa bangunan, bilik atau ruang yang disekat-sekat yang mana orang-orang awam boleh pergi untuk membuang air besar, air kecil atau untuk mencuci dirinya;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Besut dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Kebersihan
dan kebenda-
kebenda lain.

3. Mana-mana orang yang berada dalam mana-mana tandas awam:

- (a) membuang sampah, meludah, membuang air kecil atau air besar di atas lantai melainkan di dalam bekas yang sepatutnya dibekalkan bagi maksud masing-masing;
- (b) membiarkan paip terbuka selepas menggunakannya sama ada bekalan air sedang mengalir atau sebaliknya;
- (c) merosakkan atau memindahkan apa-apa barang dalam tandas;
- (d) mengotorkan, melukis, menyonteng atau mengecat apa-apa di atas dinding atau siling;
- (e) berperangai tidak senonoh atau tidak sopan; atau
- (f) meninggalkan mangkuk tandas dengan tidak memancurkan air selepas menggunakannya.

adalah melakukan suatu kesalahan.

Syarat-syarat
penggunaan
tandas awam.

4. (1) Tiada seorangpun boleh membasuh apa-apa pakaian atau meninggalkan pakaian itu untuk dikeringkan dalam tandas awam.

(2) Tiada seorangpun boleh menyalakan api atau memasak makanan dalam tandas awam dan tiada seseorangpun boleh makan atau tidur di dalamnya.

(3) Tiada seorangpun boleh mencuci makanan, perkakas, pinggan mangkuk atau apa-apa bekas dalam tandas awam.

(4) Tiada seorangpun boleh menggunakan mana-mana tandas awam sebagai tempat untuk menyimpan barang-barang.

(5) Tiada sesuatu transaksi perniagaan boleh diuruskan dalam mana-mana tandas awam.

(6) Tiada sesiapa pun dibenarkan mandi di dalam mana-mana tandas.

5. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang melanggar dengan mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini boleh diarahkan keluar dari tandas awam oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberikan kuasa olehnya.

Kuasa untuk mengarahkan orang keluar.

6. (1) Sekiranya mana-mana tandas awam dipajak, penerima pajak atau orang yang menjaga tandas awam itu hendaklah membersihkan dan menerangi tandas itu sehingga memuaskan hati Yang Dipertua.

Kewajipan penerima pajak.

(2) Penerima pajak atau orang yang menjaga mana-mana tandas awam hendaklah menyebabkan sesalinan undang-undang kecil ini yang ditulis dengan nyata dalam Bahasa Kebangsaan supaya mempamerkan secara berterusan di tempat yang ketara dalam tandas awam itu.

7. (1) Maka hendaklah diperuntukkan tandas awam yang berasingan untuk jantina yang berlainan yang hendaklah ditandakan dengan tanda-tanda yang sesuai.

Tandas berasingan untuk berlainan jantina.

(2) Tiada seorangpun boleh memasuki atau menggunakan tandas bagi jantina yang berlainan.

8. (1) Jika difikirkannya perlu, Yang Dipertua boleh mengenakan caj bagi penggunaan mana-mana tandas awam, menerusi pemberitahuan dalam *Warta*.

Caj.

(2) Mana-mana orang yang gagal membayar caj yang ditetapkan adalah melakukan kesalahan.

9. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Penalti.

10. (1) Mana-mana pegawai Majlis atau mana-mana Pegawai Polis boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang ia percayai dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang kecil ini:

Kuasa menangkap.

(a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu adalah tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

Diperbuat oleh Majlis Daerah Besut dalam mesyuaratnya pada 10 Februari 1991.

[MDB. 027/sj. 16]

ABDULLAH BIN MUHAMMAD,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Besut

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam mesyuaratnya pada 22 Disember 1991.

[SUK. TR. 1200/370/sk. C; PUN. TR. (S) 85/3/16]

OSMAN BIN MUDA,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu